

14/03/2005

Dr Mahathir sebak ingati Rafik Hariri

Oleh Hazirah Che Sab

BEIRUT: Selepas dua malam di Marjayoun, penulis dan rombongan kembali ke Beirut atau dieja Beyrouth dalam bahasa Perancis kelmarin dengan disambut kesesakan lalu lintas dan hon kenderaan.

Penulis dan wakil World Vision (WV) serta dua lagi wartawan Malaysia sekadar mengadakan perbincangan kali terakhir sebelum menghantar kedua-dua wartawan akhbar The Sun dan Sin Chiew Jit Poh dan pengarah WV Malaysia, Liew Tong Ngan, ke lapangan terbang.

Dalam masa empat hari, inilah kali pertama penulis melihat sendiri Dataran Syuhada berhampiran masjid al-Amin yang belum siap sepenuhnya di tengah-tengah kota raya Beirut.

Masjid itu hasil pembiayaan Allahyarham Rafik Hariri, bekas PM Lubnan yang terbunuh dalam satu letupan bom kira-kira sebulan lalu.

Kubur Hariri yang terletak bersebelahan masjid dipenuhi bunga, lilin dan ada juga burung merpati.

Pengunjung beragama Kristian mendoakan roh Hariri dengan cara mereka dan penganut Islam sama ada membacakan al-Fatihah atau duduk membaca al-Quran berhampiran kuburnya.

Satu rangkaian televisyen di hotel penginapan penulis menayangkan berita semata-mata mengenai Hariri serta ucapan bekas PM Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang tersekat-sekat kerana sebak.

Dataran Syuhada yang sebelum ini begitu indah, menurut penerangan Pengarah Perhubungan Awam WV Lubnan, Jacqueline Khayoul, dipenuhi khemah penyokong Hariri.

Penghuni dataran itu turut menubuhkan pasukan polis sendiri selain Pasukan Keselamatan Kebangsaan dan tentera untuk mengawasi keadaan di situ.

Seorang penunjuk perasaan berkata: "Kami sudah berada di sini sebulan lalu dan sudah jadi kediaman kami.

"Seperti juga di kawasan perumahan, terdapat peraturan iaitu anda perlu menghormati jiran."

Selama 17 tahun terjebak dalam perang saudara, sedikit sebanyak mencatitkan pemandangan negara yang pernah digelar 'Paris Timur' itu.

Bagaimanapun, masih ada sisa keindahan yang dilihat pelancong terutama di pusat bandar Beirut.

Dengan pembinaan semula dan baik pulih bangunan, Beirut sebenarnya memang perlu berterima kasih kepada Hariri.

Begitu banyak bangunan berselirat di pusat bandar Beirut, tiada satu pun mempunyai reka bentuk sama malah tingkap di setiap bangunan juga berbeza.

Tidak hairanlah jika Hariri disanjung penduduk Lubnan dan kematiannya seolah-olah membantutkan pembangunan di negara itu.

Hampir sebulan Hariri bersemadi, namanya masih dapat didengar setiap masa dan ketika.

Perbincangan penulis dan rombongan dengan wakil WV berlangsung dalam sebuah kafe - tempat persinggahan terakhir Hariri sebelum terbunuh lima minit kemudian.

Dalam perkembangan lain, PM yang dilantik semula, Omar Karami, menegaskan dia akan memastikan penyertaan pembangkang dalam Kabinet yang bakal dibentuknya.

Katanya, pilihan raya Parlimen akan datang mungkin terpaksa ditangguhkan jika Kabinet tidak dibentuk sebelum April.

Melihat begitu banyak kereta Mercedes dan BMW menjalar di atas jalan raya di Beirut, membuatkan penulis terfikir kembali, benarkah penduduk di sini miskin?

(END) Source : Berita Harian